

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMT 405 Terjemahan Dan Penvuntingan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Sila tulis nombor soalan secara berurutan pada kulit hadapan kertas jawapan.

Jawapan mestilah analitikal dan bernas dengan menggunakan Bahasa Melayu Tinggi.

1. Tiga aspek penting yang perlu diingat oleh penerjemah semasa menjalankan tugasnya ialah: bentuk, struktur, dan isi. Sila jelaskan apakah pengertian ketiga-tiga aspek ini.
2. Di dalam teori penerjemahan dinyatakan juga bahawa terjemahan ialah menggantikan maklumat yang terdapat di dalam bahasa asal menjadi maklumat yang sama di dalam bahasa lain. Penggantian maklumat ini sedikit-sebanyak akan berlaku penghilangan makna. Bincangkan.
3. Ada dua bentuk penerjemahan yang popular pada masa ini, iaitu; penerjemahan makna dan penerjemahan komunikatif. Kedua-dua bentuk terjemahan ini menghasilkan beberapa persoalan, di antaranya ialah:
  - (a) Terjemahan haruslah memberi perkataan yang sama seperti teks asal.
  - (b) Terjemahan mestilah menyajikan buah fikiran teks asal.
  - (c) Terjemahan seharusnya memberi kesan seolah-olah sama dengan teks asal.
  - (d) Terjemahan semestinya memberi kesan seolah-olah ia memang terjemahan.
  - (e) Terjemahan mencerminkan gaya teks asal.

.../2

- (f) Terjemahan memiliki gaya terjemahan.
- (g) Terjemahan seolah-olah sezaman dengan teks asal.
- (h) Terjemahan seolah-olah sezaman dengan teks terjemahan.
- (i) Terjemahan mengikat diri dengan teks asal.
- (j) Terjemahan membenarkan penambahan dan pengurangan teks asal.

Pilih mana-mana bahagian yang menurut anda sesuai bagi menerjemahkan teks saintifik bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Beri hujah sokongan pada setiap bahagian yang anda pilih itu.

4. Sila sunting teks yang disediakan di lampiran ke dalam Bahasa Melayu Tinggi dan salin semula suntingan tersebut di dalam kertas jawapan anda.

Lampiran

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

- 15D. (1) Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduhkan atas suatu kesalahan jenayah maka ia hendaklah dengan itu serta merta digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti dan ia tidak boleh, dalam masa menunggu keputusan pembicaraan jenayah itu, tinggal atau masuk dalam Kampus Universiti itu atau Kampus mana-mana Universiti lain.
- (2) Jika mahkamah dapati sesuatu pertuduhan atas suatu kesalahan jenayah dibuktikan terhadap seorang pelajar Universiti, maka pelajar itu adalah dengan itu serta merta terhenti menjadi seorang pelajar Universiti itu dan ia tidak boleh tinggal atau masuk dalam Kampus Universiti itu atau Kampus mana-mana Universiti lain.
- (3) Seseorang pelajar Universiti yang ditahan, atau yang tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan-sekatan ke atasnya, di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tahanan perlindungan atau keselamatan dalam negeri adalah dengan itu serta merta terhenti menjadi seorang pelajar Universiti itu dan ia tidak boleh tinggal atau masuk dalam Kampus Universiti itu atau Kampus mana-mana Universiti lain.
- (4) Seseorang pelajar Universiti yang digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti di bawah peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1) tidak boleh, semasa ia digantung sedemikian, diterima menjadi seorang pelajar mana-mana Universiti lain dalam Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberi kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa had dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, menurut budibicara mutlaknyanya.
- (5) Seseorang pelajar Universiti yang terhenti menjadi seorang pelajar Universiti di bawah peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (2) atau (3) tidak boleh diterima menjadi seorang pelajar Universiti itu atau mana-mana Universiti lain dalam Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberi kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa had dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan menurut budibicara mutlaknyanya.
- (6) Seseorang yang tinggal atau masuk dalam Kampus mana-mana Universiti bersalahan dengan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1), (2) atau (3) atau yang dapat masuk menjadi pelajar mana-mana Universiti bersalahan dengan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4) atau (5) adalah bersalahan atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.
- (7) Peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1), (2), (3) (4) dan (5) hendaklah dipakai bagi seseorang walaupun keputusan masih ditunggu dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihakberkuasa lain mengenai apa-apa permohonan, petisyen, rayuan atau apa-apa jua langkah pembicaraan lain yang dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain berkenaan dengan pembicaraan jenayah, tahanan, atau perintah yang mengenakan sekatan-sekatan itu, mengikut mana yang berkenaan:

